

<b>Makluman</b>	√
<b>Kelulusan</b>	

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**KERTAS KERJA UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT  
JAWATANKUASA TETAP SENAT (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

**PENGGUNAAN INSTRUMEN BAGI PENILAIAN PRESTASI PENYELIDIKAN FAKULTI  
(PPPF)  
(*FACULTY PERFORMANCE RESEARCH ASSESSMENT*)**

	<b>Disediakan oleh</b>	<b>Disemak oleh</b>	<b>Diperakukan oleh</b>
<b>Tandatangan</b>			
<b>Nama</b>	<b>Prof. Madya Dr. Mohd.Shahir Shamsir B. Omar</b>	<b>Prof.Dr.Ruzairi B. Abdul Rahim</b>	<b>Prof. Dr. Ahmad Fauzi B. Ismail</b>
<b>Jawatan</b>	Timbalan Pengarah Sekretariat Universiti Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTM	Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTM	Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UTM
<b>Tarikh</b>	<b>Jun 2015</b>	<b>Jun 2015</b>	<b>Jun 2015</b>

## **1.0 TUJUAN**

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa Tetap Senat (Penyelidikan dan Inovasi) berhubung penggunaan instrumen bagi Penilaian Prestasi Penyelidikan Fakulti (PPPF).

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perubahan ekosistem penyelidikan melalui penstrukturan semula *Research Alliance* (RA) merupakan usaha Universiti dalam mewujudkan fungsi, portfolio serta Petunjuk Amal Utama (KAI) penyelidikan di Fakulti. Ia juga berperanan untuk menambah baik integrasi dan segmen penyampaian di antara Fakulti dan RA agar lebih berkesan serta membantu melonjakkan peratus sumbangan staf akademik UTM dalam pemarkahan MyRA. Universiti mendapati, pemisahan pengajaran dari penyelidikan serta RA dari fakulti dilihat tidak mampu untuk melonjakkan prestasi UTM dengan lebih pantas dan gagal mendapatkan penglibatan secara total dari kalangan warga staf akademik UTM.
- 2.2 Keperluan melonjakkan markah MyRA II dalam mengekalkan status UP memerlukan anjakan paradigma dan sumbangan menyeluruh (*inclusive*) dari semua staf. Semua staf akademik selaku penyelidik UTM hendaklah memahami, menyedari, menghayati serta terlibat aktif dalam melaksana serta memperkasa budaya penyelidikan dan penerbitan dalam menyumbang ke arah mengekalkan status UP dan seterusnya pencapaian Pelan Global UTM. Ini kerana kecemerlangan dan kesinambungan Universiti hari ini bergantung kepada prestasi dan kejayaan semua dalam mencapai objektif secara berkesan. Ianya memerlukan setiap individu dalam Universiti bergerak ke arah halatuju yang sama kerana setiap mereka menyumbang kepada pencapaian objektif melalui aktiviti dan peranan masing-masing.
- 2.3 Bagi memastikan penglibatan staf Fakulti menyumbang kepada pemarkahan MyRA, maka satu pengukuran pencapaian penyelidikan (R&D&C) perlu dibangunkan bagi membolehkan Fakulti membuat penilaian sendiri terhadap pencapaian penyelidikan (R&D&C) selain mengukur penilaian tahunan prestasi antara Fakulti.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Melalui penstrukturan semula pengurusan penyelidikan, Universiti kini memberi keutamaan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh Fakulti sebagai satu usaha untuk membantu meningkatkan pemarkahan MyRA.
- 3.2 Namun, tiada instrumen yang mengukur prestasi penyelidikan Fakulti secara khusus berdasarkan perincian komponen beserta wajaran pemarkahan MyRA.
- 3.3 Instrumen Penilaian Prestasi Penyelidikan Fakulti (PPPF) ini berupaya mengenalpasti tahap penglibatan fakulti dalam komponen MyRA.
- 3.4 Oleh yang demikian, Instrumen ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan berikut :
  - 3.4.1 Berfungsi sebagai penilaian sendiri pencapaian Fakulti dalam R&D&C
  - 3.4.2 Pengumpulan data R&D&C oleh Sekretariat Universiti Penyelidikan
  - 3.4.3 Membantu Universiti menilai pencapaian penyelidikan, pembangunan dan pengkormesilan (R&D&C) Fakulti
  - 3.4.4 Sebagai garis panduan dalam membantu Fakulti menetapkan sasaran kerja tahunan staf akademik serta merancang strategi untuk membantu meningkatkan pemarkahan MyRA Universiti.
  - 3.4.5 Membantu Universiti dalam membuat dasar termasuk penetapan dasar penting untuk membangunkan usaha memantapkan kecemerlangan UTM
  - 3.4.6 Membantu Universiti mendapat gambaran seragam bagi beberapa dimensi kritikal ke arah mencapai misi dan visi UTM sebagai peneraju utama dalam bidang Sains dan Teknologi.

### **4.0 SEKSYEN DAN KRITERIA PEMARKAHAN INSTRUMEN PPPF**

- 4.1 Pembangunan Instrumens ini menggunakan asas e-MyRA dalam pembahagian seksyen dan wajaran pemarkahan. Ini bagi memastikan pengukuran prestasi penyelidikan Fakulti selari dengan keperluan Universiti Penyelidikan.

4.2 Setiap bacaan seksyen juga adalah mengikut kepada Glosari MyRA II. Oleh yang demikian, sebarang perubahan instrumen adalah tertakluk kepada perubahan di MyRA II.

4.3 Terdapat lapan (8) kriteria dan pemarkahan :

No.	Section	Summary and Total Marks	Target
1	A	General Info	-
2	B	Quantity and Quality of Researchers	15.00
3	C	Quantity and Quality of Research	35.00
4	D	Quantity and Quality of Postgraduate	10.00
5	E	Innovation	15.00
6	F	Income Generated	10.00
7	G	Network and Linkages	12.00
8	H	Support Facilities	3.00
	<b>Total</b>		<b>100.00</b>

4.4 Perincian instrumen seperti di **Lampiran 1**.

## 5.0 KELULUSAN

5.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Penyelidikan dan Inovasi) adalah dengan hormatnya dipohon mengambil maklum berhubung penggunaan instrumen bagi Penilaian Prestasi Penyelidikan Fakulti.